

## **056 KEFAHAMAN PELAJAR SAINS SOSIAL TERHADAP BAHASA ARAB**

**Hajjah Hasanah Hj. Iksan**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

### **ABSTRAK**

Umum mengetahui bahawa bahasa Arab merupakan antara bahasa lingua franca yang dituturkan oleh sebilangan besar masyarakat dunia. Ia juga mempunyai kaitan rapat dengan ilmu agama Islam kerana sumber utama agama Islam iaitu al-Quran dan al-hadis ditulis dalam bahasa Arab. Justeru, persoalannya ialah adakah bahasa Arab hanya perlu dipelajari bagi mereka yang berpengkhususan dalam pengajian Islam di peringkat pengajian tinggi. Justeru, kertas kerja ini akan melihat kepentingan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab kepada pelajar di luar bidang pengajian Islam. Perbincangan juga meliputi silibus pengajaran yang disediakan dan hasil pembelajaran dengan melihat pengetahuan pelajar terhadap kosa kata bahasa Arab dan tatabahasa Arab. Untuk mencapai tujuan tersebut, persampelan dilakukan terhadap pelajar diploma semester tiga sesi 2009/2010 di luar bidang bahasa Arab di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Satu borang soal selidik yang mengandungi soalan bergambar yang mengandungi jawapan aneka pilihan disediakan bagi mengetahui tahap pengetahuan pelajar terhadap kosa kata dan tatabahasa Arab. Kajian dipersembahkan dengan menggunakan kaedah penganalisaan data terhadap jawapan yang diberi oleh pelajar. Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan pelajar adalah baik. Namun, dari aspek penggunaan di luar bilik kelas tiada.

### **PENGENALAN**

Umum mengetahui bahawa bahasa Arab merupakan antara bahasa lingua franca yang dituturkan oleh sebilangan besar masyarakat dunia. Ia juga mempunyai kaitan rapat dengan ilmu agama Islam kerana sumber utama agama Islam iaitu al-Quran dan al-hadis ditulis dalam bahasa Arab. Justeru, persoalannya ialah adakah bahasa Arab hanya perlu dipelajari bagi mereka yang berpengkhususan dalam pengajian Islam. Justeru, kertas kerja ini akan melihat kefahaman pelajar di luar bidang pengajian Islam terhadap subjek bahasa Arab yang telah mereka pelajari. Perbincangan juga meliputi silibus pengajaran yang disediakan dan hasil pembelajaran dengan melihat pengetahuan pelajar terhadap kosa kata bahasa Arab dan tatabahasa Arab. Untuk mencapai tujuan tersebut, persampelan dilakukan terhadap pelajar diploma semester tiga sesi 2009/2010 di Fakulti Pengurusan dan Muamalah di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Satu borang soal selidik yang mengandungi soalan

bergambar disediakan bagi mengetahui tahap pengetahuan pelajar terhadap kosa kata dan tatabahasa Arab. Kajian dipersembahkan dengan menggunakan kaedah penganalisaan data.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Sasaran responden adalah kepada pelajar semester 3 sesi 2009/2010 di 5 buah jabatan di Fakulti Pengurusan dan Muamalah KUIS. Bilangan pelajar diambil secara rawak iaitu seramai 44 orang. Kesemua pelajar tersebut mengambil subjek bahasa Arab ini sebagai subjek elektif setelah mereka mempelajari bahasa Arab di semester 1 dan 2 di peringkat diploma.

Pecahan responden adalah seperti berikut:

Program	Jumlah pelajar
Diploma pengurusan Sumber Insan (MS34)	5
Diploma Perbankan Islam (MS33)	3
Diploma Ekonomi (MS35)	2
Diploma Pengurusan Perniagaan (MS32)	8
Diploma Perakaunan (MS31)	16
Diploma Perancangan Kewangan Islam (MS42)	5
Diploma Keusahawanan (MS40)	5
Jumlah	44

Sumber : Borang soal selidik

Satu sampel gambar beserta perkataan Arab disediakan dalam bahagian A dan B. Pelajar dikehendaki membina ayat dari perkataan yang diberi dalam bentuk jumlah Ismiyyah. Pada bahagian B pula pelajar diminta membina ayat dalam jumlah fi'liyyah.

Pada bahagian C disediakan teks pendek berbahasa Arab. Pelajar diminta membariskan perkataan-perkataan tersebut. Pada bahagian D pula adalah berkenaan dengan latarbelakang dan minat pelajar terhadap bahasa Arab.

## **SILIBUS BAHASA ARAB KEPADA PELAJAR SAINS SOSIAL**

Pusat pengajian Teras merupakan pusat yang mengendalikan semua matapelajaran wajib universiti yang ditawarkan kepada semua pelajar di KUIS. Jabatan Bahasa di PPT bertanggungjawab mengendalikan mata pelajaran Bahasa Arab, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin dan Bahasa Jepun.

Bagi subjek Bahasa Arab dibahagikan kepada dua peringkat. Peringkat Diploma dan peringkat Sarjana Muda. Penyediaan silibus bagi pelajar sains sosial adalah berbeza dengan pelajar di bidang pengajian Islam. Subjek bahasa Arab diperingkat diploma ditawarkan kepada pelajar Fakulti pengurusan dan Muamalah (FPM), Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat (FSTM) dan Fakulti Pendidikan (FP). Fokus kajian adalah kepada pelajar FPM.

Subjek Bahasa Arab kepada pelajar FPM dan FSTM terbahagi kepada 2 peringkat. Dua subjek bahasa Arab iaitu kod DLAB 1122 dan DLAB 2122 wajib diambil pada semester 1 dan 2. Manakala 2 lagi subjek bahasa Arab berkod DLAB 3122 dan DLAB 4122 merupakan subjek pilihan (elektif) yang perlu di ambil di semester 3 dan 4. Setelah pelajar mengambil dua subjek wajib bahasa Arab di semester 1 dan 2, mereka mempunyai pilihan sama ada ingin meneruskan subjek bahasa Arab atau memilih 2 subjek Bahasa Mandarin atau 2 subjek bahasa Jepun di semester 3 dan 4.

Pelajar yang mengambil bahasa Arab sebagai subjek elektif di semester 3 dan 4, dan mereka lulus kesemua subjek tersebut, mereka layak untuk mendapat pengecualian 2 subjek bahasa Arab apabila mereka melanjutkan pengajian di peringkat sarjana muda di KUIS.

## ANALISIS DAN DAPATAN DATA

### 1. Analisa Pembinaan ayat dalam bentuk jumlah Ismiyyah

Kajian cuba melihat kepelbagaian penghasilan ayat hasil dari pemahaman pelajar terhadap jumlah ismiyyah pada bahagian A. Untuk mendapatkan data kajian, penulis telah memilih beberapa perkataan daripada kata nama dan kata kerja beserta gambar untuk mengetahui adalah pelajar benar-benar mengetahui cara untuk membina ayat dalam Bahasa Arab.

Berikut adalah antara kesalahan ayat dan ungkapan bahasa Arab yang dihasilkan oleh pelajar sendiri dari aspek :

- a) Pertalian “dhamir” antara mubtadak dan khabar.

Perkataan bahasa Arab	Kesalahan pembinaan ayat	Pembinaan ayat yang betul
طبخ (memasak)	امينة طبخ أنا طبخ الأم يطبخ في البيت	امينة طبخت أنا طبختُ الأم تطبخ في البيت
كرة السلة (bola keranjang)	أنا يلعب كرة السلة أخ أحب يلعب كرة السلة	أنا ألعب كرة السلة الأخ يجب أن يلعب كرة السلة

	الطلاب لعب كرة السلة	الطلاب لعبوا كرة السلة
أرنب (arnab)	ارنب جميلة ارنب قصيرة	ارنب جميل ارنب قصير
قرأ (membaca)	الطالبة قراءة الكتب أنا قرأ الكتب فاطمة يقرأ في الفصل أمينة قراءة الكتب	الطالبة قراءت الكتب أنا قرأت الكتب فاطمة تقرأ الكتب في الفصل أمينة قرأت الكتب

Perkataan-perkataan yang mengalami kesilapan dalam pembinaan ayat adalah pada kata kerja dan kata nama. Pelajar tidak dapat menghubungkan pertalian “dhamir” di antara “mubtadak” (subjek) dan “khabar” (predikat).

Subjek dan Predikat dalam pembinaan ayat bahasa Arab mempunyai 4 ciri yang perlu dipenuhi di mana ciri ini mestilah ada pertalian antara keduanya. Ciri-ciri tersebut ialah:

1- Dhamir (kata ganti nama)

Contoh : الطالبة قراءت الكتب  
 Predikat      Subjek

2- Ism Isyarah (kata arah)

Contoh : لباس التقوى ذلك خير  
 Predikat      Subjek

3- Pengulangan perkataan.

Contoh : القارعة ما القارعة  
 Predikat      Subjek

4- Menggunakan makna umum.

Contoh : محمد نعم الرجل  
 Predikat      Subjek

b) Pembinaan jenis ayat.

Perkataan bahasa Arab	Kesalahan pembinaan ayat	Pembinaan ayat yang betul
طبخ (memasak)	طبخت فاطمة الطعام طبختُ الأرز	فاطمة طبخت الطعام أنا طبختُ الأرز
كرة السلة (bola keranjang)	يلعب محمد كرة السلة يلعبان أحمد وعلي كرة السلة لعب علي كرة السلة	محمد يلعب كرة السلة محمد وعلي يلعبان كرة السلة علي لعب كرة السلة
أرنب (arnab)	يأكل ارنب ثمر	الأرنب يأكل ثمر
قرأ (membaca)	قرأ محمد القرآن قرأ القرآن يقرأ الكتاب	محمد قرأ القرآن هو قرأ القرآن هو يقرأ الكتاب

Terdapat 2 jenis pembinaan ayat dalam bahasa Arab iaitu ayat yang dimulai dengan kata nama (الجملة الإسمية) dan ayat yang dimulai dengan kata kerja (الجملة الفعلية). Ayat yang dimulai dengan kata kerja akan dibincangkan dalam soalan bahagian B.

c) Ayat yang tidak lengkap dan juga tidak jelas maksudnya.

Perkataan bahasa Arab	Kesalahan pembinaan ayat	Pembinaan ayat yang betul
طبخ (memasak)	Tiada kesilapan	
كرة السلة (bola keranjang)	احمد كرة السلة Ahmad adalah bola keranjang	احمد لعب كرة السلة
أرنب (arnab)	Arnab makan ارنب أكل Arnab makanan ارنب الطعام Rambut arnab شعر ارنب	ارنب أكل الخضروات ارنب أكل الطعام شعر الأرنب أبيض

d) Ayat tidak menepati maksud.

Perkataan bahasa Arab	Kesalahan pembinaan ayat	Pembinaan ayat yang betul
طبخ (memasak)	Tiada kesilapan	
كرة السلة (bola keranjang)	Tiada kesilapan	
أرنب (arnab)	ارنب لعب كرة السلة	ارنب لعب في الفناء
قرأ (membaca)	Tiada kesilapan	

## 2. Analisa Pembinaan ayat dalam bentuk jumlah Fi'liyyah.

Untuk bahagian B., pengkaji telah memilih beberapa perkataan daripada kata nama beserta gambar untuk mengetahui adalah pelajar benar-benar mengetahui cara untuk membina ayat dalam Bahasa Arab dalam bentuk jumlah fi'liyyah

Program	مجتهد		صديق		جميلة		القاموس	
	betul	salah	betul	salah	betul	salah	betul	salah
Diploma pengurusan Sumber Insan	0	5	0	5	0	5	0	5
Diploma Perbankan Islam	0	3	0	3	0	3	1	2
Diploma Ekonomi	0	2	1	1	1	1	1	1
Diploma Pengurusan Perniagaan	2	6	3	5	2	6	4	4
Diploma Perakaunan	2	14	8	8	2	14	2	14
Diploma Perancangan Kewangan Islam	1	4	5	0	2	3	4	1
Diploma Keusahawanan	0	5	1	4	0	5	1	4
	5	39	18	26	7	37	13	31

Dari jadual di atas, di dapati pelajar yang mengetahui cara untuk membina ayat dalam Bahasa Arab dalam bentuk jumlah fi'liyyah ialah 11.4% untuk perkataan مجتهد, 40.9% untuk perkataan صديق, 15.9% untuk perkataan جميلة, dan 29.5% untuk perkataan

القاموس. Keseluruhannya didapati pelajar lemah dalam pembinaan ayat dalam bentuk jumlah fi'liyyah. Mungkin kerana pembinaan ayat dalam bahasa Malaysia memulakan ayat dengan kata nama sahaja.

### 3. Analisa membariskan perkataan dalam ayat bahasa Arab.

Untuk bahagian C, pengkaji telah memilih satu cerita pendek untuk pelajar membariskan perkataan-perkataan tersebut.

سألت الأم أنها بأن يرتب كتبه ويدخلها في الحقيبة ويترك التليفزيون ثم يذهب إلى الفراش، ولكن الابن أبي من ذلك، واستأذن أمه ليشاهد القصة الجيدة في التليفزيون وهو في شغف بما.

Hasilnya di dapati, terdapat pelajar tidak membariskan perkataan tersebut.

Program	Membariskan	Tidak membariskan
Diploma pengurusan Sumber Insan	3	2
Diploma Perbankan Islam	1	2
Diploma Ekonomi	0	2
Diploma Pengurusan Perniagaan	5	3
Diploma Perakaunan	14	2
Diploma Perancangan Kewangan Islam	0	5
Diploma Keusahawanan	1	4
	24 (54.5%)	20 (45.5%)

Hampir 50% responden tidak membariskan teks yang diberikan. Perkataan yang bergaris menunjukkan pelajar melakukan kesilapan dalam membariskan perkataan tersebut.

	Perkataan	Bilangan responden
1	<u>سألت</u>	11
2	<u>الأم</u>	3
3	<u>أبنها</u>	6
4	<u>يرتب</u>	19

5	كتبه	24
6	ويدخلها	4
7	ويترك	5
8	الابن	19
9	ليشاهد	24

#### 4. Latarbelakang dan minat pelajar terhadap bahasa Arab.

Program	Minat bahasa Arab	Tahu tentang kaedah nahwu Arab	Bahasa Arab berguna untuk pekerjaan
Diploma pengurusan Sumber Insan	100%	80%	80%
Diploma Perbankan Islam	100%	66.7%	100%
Diploma Ekonomi	100%	100%	100%
Diploma Pengurusan Perniagaan	100%	62.5%	87.5%
Diploma Perakaunan	93.7%	75%	100%
Diploma Perancangan Kewangan Islam	100%	80%	100%
Diploma Keusahawanan	100%	80%	50%

Program	فعل واسم و حرف	جمع التكسير و جمع التصحيح	مذكر ومؤنث	فعل الماضي والمضارع والأمر	جملة فعلية	جملة اسمية
Diploma pengurusan Sumber Insan	80%	60%	80%	80%	80%	80%
Diploma Perbankan Islam	33.3%	33.3%	33.3%	33.3%	33.3%	33.3%
Diploma Ekonomi	100%	100%	100%	100%	100%	100%
Diploma Pengurusan Perniagaan	87.5%	100%	100%	87.5%	75%	87.5%



Diploma Perakaunan	81.2%	25%	93.7%	93.7%	93.7%	93.7%
Diploma Perancangan Kewangan Islam	100%	100%	100%	100%	80%	80%
Diploma Keusahawanan	100%	60%	100%	100%	80%	80%

Jadual menunjukkan bahasa responden dari diploma perbankan Islam mempunyai peratusan terendah dalam mengetahui kaedah-kaedah dalam bahasa Arab. Diikuti selepasnya ialah responden dari diploma Pengurusan Sumber Manusia. Hasil kajian mendapati keseluruhan responden telah mempelajari bahasa Arab sejak di sekolah menengah lagi. Mereka mempunyai asas bahasa Arab. Justeru, mereka lebih cenderung untuk meneruskan pembelajaran bahasa Arab di semester 3 sebagai subjek elektif berbanding dengan subjek bahasa lain iaitu bahasa Mandarin dan bahasa Jepun.

Oleh itu, kajian mendapati secara keseluruhannya responden mengetahui dan memahami bahasa Arab. Namun mereka tidak banyak mengaplikasikannya atau menggunakan pengetahuan bahasa Arab mereka dan subjek2 lain.